

JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK



# BULETIN JTK SARAWAK

EDISI 27 (JULAI - DISEMBER 2022)



# SIDANG EDITOR BULETIN 2022

## BULETIN EDITORS COMMITTEE 2022

### SIDANG EDITORIAL

Penasihat: Tuan Awang Raduan bin Awang Omar  
(Pengarah, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak)

Ketua Editor: Encik Wan Zaifolludean bin Wan Zakaria  
(Timbalan Pengarah, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak)

### PENYELARAS:

Encik Ewiim @ Ewiin Anak Michael Sinar  
(Ketua Bahagian, Bahagian Penyelidikan & Maklumat)

### AHLI-AHLI:

Encik Jeffry Douglas anak William Nagun  
(Bahagian Penyelidikan & Maklumat)

Encik Mohamad Shahruddin bin Zaidil  
(Bahagian Khidmat Pengurusan)

Puan Robiah binti Omar Bakri  
(Bahagian Standard Perburuhan)

Puan Asmah binti Bujang  
(Bahagian Penguatkuasaan)

Puan Emma Yusmaniza binti Helmi  
(Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin)

Puan Lolita anak Codala  
(Pejabat Pengarah)

### URUS SETIA:

Puan Melati Ah Nen  
(Bahagian Penyelidikan & Maklumat)

Puan Kavitha Rajandran  
(Bahagian Penyelidikan & Maklumat)

### JURUFOTO:

Encik Johan bin Mat  
(Bahagian Penyelidikan & Maklumat)

Encik Hayden anak Laie  
(Bahagian Penyelidikan & Maklumat)

Encik Kipli bin Dollah  
(Bahagian Khidmat Pengurusan)

## KANDUNGAN

### MUKA SURAT

DARI MEJA KETUA EDITOR	2-3
PERUTUSAN PENGARAH TENAGA KERJA SARAWAK	4-5
AKTIVITI RASMI JABATAN / PROJEK KIK	6-7
MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)	8-9
AKTIVITI PENGUATKUASAAN	10-12
AKTIVITI PENDAKWAAN	13-16
MESYUARAT, BENGKEL, KURSUS, LATIHAN DAN TAKLIMAT	18-31
AKTIVITI KELAB KEBAJIKAN DAN SOSIAL JTK SARAWAK	32-37
INFO ICT	38-39
BERITA WARGA	40-42
MUTIARA KATA	45
DIREKTORI	46

Anugerah Inovasi Premier Sarawak  
(Tempat Ketiga)





## Dari Meja KETUA EDITOR

Assalamualaikum wbt,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Selamat bersua kembali dalam Buletin JTK Sarawak Edisi 27 Bil 2/2022. Semoga semua pembaca dan khususnya warga kerja Jabatan Tenaga Kerja Sarawak berada dalam keadaan sihat sejahtera dan penuh semangat dalam menjalankan rutin harian terutamanya dalam menggalas tanggungjawab dengan berintegriti sebagai penjawat awam.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan tahniah atas segala pencapaian sepanjang tahun 2022. Saya turut merakamkan tahniah dan terima kasih kepada semua ahli Sidang Editorial yang terlibat secara langsung dalam menjayakan penerbitan Buletin kali ini.

Buletin yang diterbitkan ini adalah sebagai salah satu platform warga JTK Sarawak untuk berkongsi idea, pengalaman dan kepakaran dalam memantapkan lagi pengetahuan dalam menguruskan isu-isu perburuhan.

Seperti kebiasaan, edisi ini turut memaparkan semua program dan aktiviti warga JTK Sarawak yang telah berlangsung sepanjang tempoh Julai hingga Disember 2022. Bagi mengikuti perkembangan terkini dan program-program semasa yang dianjurkan oleh JTK Sarawak, para pembaca juga boleh melayari laman web rasmi

JTK Sarawak iaitu [jtkswk.gov.my](http://jtkswk.gov.my) atau Laman Sosial Facebook jabatan (Laman FB Rasmi Jabatan Tenaga Kerja Sarawak).

Harapan saya agar edisi kali ini dapat memberikan faedah dan informasi yang padat dan seterusnya memenuhi ekspektasi pembaca. Sesungguhnya, penerbitan Buletin ini bukanlah suatu usaha yang mudah malah mengambil masa yang melalui kesungguhan yang mendalam serta memerlukan komitmen dalam pelbagai aspek kemahiran. Semoga penerbitan ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan yang bernilai kepada para pengguna dan dijadikan sebagai sumber maklumat kepada seluruh warga Jabatan Tenaga Kerja Sarawak.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama meneruskan usaha dalam memantapkan dan memperkuuhkan lagi pencapaian perkhidmatan JTK Sarawak untuk hari ini, esok dan yang akan datang.

Selamat membaca.

**Wan Zaifolludean Bin Wan Zakaria**  
**Ketua Editor**



## *Perutusan* **PENGARAH, JABATAN TENAGA KERJA, SARAWAK**

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani,

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dapat bertemu dalam Buletin Edisi 27 Bil. 2/2022. Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah melangkah ke pertengahan Tahun 2022 dengan penuh bersemangat bagi memberikan perkhidmatan terbaik khususnya di Negeri Sarawak.

JTK Sarawak telah memainkan peranan yang terbaik sepanjang tahun 2022. Kita telah bergelumang dengan kesungguhan untuk memperkasa dan mempermekarkan hala tuju agar lebih fokus dan bersama-sama bergerak ke arah dimensi baharu.

Menjelang pertengahan Tahun 2022, pelbagai aktiviti kelolaan Jabatan telah rancak diadakan. Antaranya, empat siri Program Kesedaran Hak Pekerja dan Isu Buruh Paksa, Program Pendidikan Perburuhan, Pendakwaan, Operasi Berfokus dan Operasi Pemeriksaan Malam yang diadakan secara kerap dan berjadual.

Pada 2 Ogos 2022, Kumpulan Labour Ultra telah melakar sejarah memenangi hadiah tempat ke-2 dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat Jabatan/Agensi Persekutuan Negeri Sarawak Tahun 2022 yang telah diadakan di Auditorium Setiausaha Persekutuan Sarawak (SUPS). Kemenangan ini tidak hanya berhenti di situ, Kumpulan Labour Ultra sekali lagi berjaya mendapat Anugerah Inovasi Premier Sarawak (Tempat Ketiga) dan penarafan ENAM (6) BINTANG berserta

wang tunai sebanyak RM6000. Syabas dan tahniah kepada Kumpulan Labour Ultra atas kejayaan tersebut.

Bagi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada tahun 2022, JTK Sarawak telah menyenaraikan seramai 22 penerima APC. Majlis APC telah berlangsung di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya pada 2 Ogos 2022 yang disempurnakan oleh YB Menteri Sumber Manusia. Sekalung tahniah diucapkan kepada semua penerima APC tahun 2021.

Melalui penerbitan Buletin seperti ini, diharapkan agar semua warga kerja JTK Sarawak dapat mengimbu kembali pengalaman semasa melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang telah diamanahkan dan seterusnya menjadi motivasi untuk kejayaan pada masa akan datang.

Saya yakin dan percaya, sokongan, kerjasama dan semangat kerja jitu yang ditunjukkan dalam penghasilan Buletin ini akan juga direalisasikan dalam pelaksanaan tugas sehari-hari.

Kerja berpasukan serta mengamalkan sikap profesionalisme adalah budaya kerja warga JTK Sarawak dalam melaksanakan tugas-tugas harian yang telah diamanahkan disamping memberi komitmen yang tinggi bagi memastikan kerja disiapkan dengan sempurna dan berkesan. Ini termasuklah memupuk sifat berilmu, berdisiplin, amanah serta rajin.

Akhir kata, semoga usaha yang murni ini diteruskan dengan liputan maklumat dan sumbangsan karya yang pelbagai serta menarik untuk semua warga JTK Sarawak. Sekian, terima kasih.

**AWANG RADUAN BIN AWANG OMAR**  
**Pengarah, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak**

## KEJAYAAN JABATAN DALAM PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK)

Sejak tahun 1991, kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Panduan Mengenai Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK) bagi menggalakkan penjawat awam bekerja secara berpasukan. Pada tahun 2009, kerajaan kemudiannya memperkenalkan Panduan Mengenai Kumpulan Inovatif dan Kreatif sebagai langkah



Jabatan Tenaga Kerja Sarawak juga tidak ketinggalan dalam menyahut seruan kerajaan untuk memantapkan perkhidmatannya kepada pelanggan dengan menubuhkan kumpulan inovatif dan kreatif (KIK) yang diberi nama Labour Ultra. Kumpulan Labour Ultra ditubuhkan pada 7 Julai 2020 dengan dianggotai



## KEJAYAAN JABATAN DALAM PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK)

telah dibimbing oleh Encik Mohamad Shahruddin bin Zaidil, Pegawai Tadbir dan Diplomat (PTD) jabatan yang berpengalaman luas dalam bidang KIK.

Pada 2 Ogos 2022, Kumpulan Labour Ultra telah melakar sejarah memenangi hadiah tempat ke-2 dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat Jabatan/Agensi Persekutuan Negeri Sarawak Tahun 2022 yang telah



memantapkan keupayaan penjawat awam dari kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) sehingga kumpulan pelaksana untuk menyelesaikan masalah melalui penghasilan atau penambahbaikan sesuatu produk maupun perkhidmatan yang boleh memberi manfaat kepada organisasi dan pelanggan.

diadakan di Auditorium Setiausaha Persekutuan Sarawak (SUPS). Kejayaan ini amat manis buat Kumpulan Labour Ultra kerana ia adalah pertandingan yang pertama disertai oleh kumpulan dengan tajuk "Pengurusan Kes Buruh Yang Kurang Sistematik". Inovasi yang dibangunkan oleh Kumpulan Labour Ultra adalah sistem pengurusan kes buruh dalam talian yang diberi nama ezLabourcase. Hadiah telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Dato Amir bin Omar, Setiausaha Kerajaan Persekutuan. Kejayaan julung-julung kali kumpulan Labour Ultra tersebut telah melayakkan kumpulan untuk masuk ke peringkat akhir Sarawak Civil Service Innovations Convention Award (SCSICA) 2022. SCSICA adalah pentas besar yang mengumpulkan jabatan dan agensi kerajaan persekutuan serta negeri untuk mempertandingkan projek inovasi mereka. Pertandingan tersebut telah berlangsung dari 17 hingga 19 Oktober 2022 di Raia Hotel & Convention Centre, Kuching. Kumpulan Labour Ultra telah berjaya mendapat Anugerah Inovasi Premier Sarawak (Tempat Ketiga) dan penarafan ENAM (6) BINTANG berserta wang tunai sebanyak RM6000. Syabas dan tahniah kepada Kumpulan Labour Ultra atas kejayaan tersebut.



oleh 8 orang pegawai yang terdiri dari kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dan kumpulan pelaksana. Mereka adalah Encik Ismail bin Mohammad (Ketua), Puan Asmah binti Bujang, Encik Johan bin Mat, Encik Chang Nyuk Kui @ Jason, Encik Phang Pin, Cik Tan Hui Mien, Cik Jessie anak Bidut dan Encik Clinton Jemut anak Avester Ujan. Kumpulan ini

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA TAHUN 2021**

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) adalah anugerah yang tidak asing lagi bagi warga JTK Sarawak. Ia adalah anugerah yang diberikan kepada warga kerja jabatan bagi menghargai usaha serta komitmen yang diberikan selain mengiktiraf sumbangan atas kualiti dan kuantiti sumbangan warga kerja jabatan yang melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya. Saban tahun, debaran adalah terasa dalam kalangan warga kerja sewaktu menunggu pengumuman oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia, JTK Sarawak. APC pada tahun 2022, menyenaraikan seramai 22 penerima APC secara keseluruhannya. Majlis APC telah berlangsung di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya pada 2 Ogos 2022 yang disempurnakan oleh YB Menteri Sumber Manusia. Penerima APC telah dianugerahkan Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan Hadiah Prestasi wang tunai berjumlah RM1000. Berikut adalah senarai penerima APC bagi tahun 2021 dari JTK Sarawak:

BIL.	NAMA PENERIMA	JAWATAN/GRED	PEJABAT
1.	Dedua anak Taim @ Tiam	Pegawai Perhubungan Perusahaan S48	Ibu Pejabat
2.	Wan Ainan Zuhaida binti Wan Abdul Khalid	Pegawai Perhubungan Perusahaan S48	Ibu Pejabat
3.	Mohamad Shahruddin bin Zaidil	Pegawai Tadbir dan Diplomatik M44	Ibu Pejabat
4.	Frederick Sait anak Numpang	Pegawai Perhubungan Perusahaan S41	PTK Serian
5.	Lolita anak Codala	Pegawai Perhubungan Perusahaan S41	Ibu Pejabat
6.	Terry anak Ranggie	Pegawai Perhubungan Perusahaan S41	PTK Miri
7.	Julinah binti Jamalaldin	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan S38	PTK Kuching
8.	Augustin anak Jetie	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan S32	PTK Sarikei
9.	Danny Wee Kon Hau	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan S29	PTK Miri
10.	Samson Tio	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan S29	PTK Marudi
11.	Steve anak Alexander Pateh	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan S29	PTK Bakun

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA TAHUN 2021**

12.	Siti Nashthasa Hasshikin binti Haron	Penolong Akauntan W29	Ibu Pejabat
13.	Christina Gadung Ganang	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N19	PTK Lawas
14.	Margaret Laie anak Jingan	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N19	PTK Sri Aman
15.	Abdul Hadi bin Abu Samah	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N19	PTK Sibu
16.	Siti Mordiah binti Abu Kasim	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N19	Ibu Pejabat
17.	Tina anak Tinin	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N19	Ibu Pejabat
18.	Liew Siaw Sze	Jurubahasa LA19	PTK Serian
19.	Ahmad Syauki bin Ali	Pembantu Perhubungan Perusahaan S19	PTK Kapit
20.	Roslind Dayang anak Bulin	Pembantu Operasi N11	PTK Kapit
21.	Jelung anak Kedayan	Pemandu Kenderaan H11	PTK Betong
22.	Zulkifli anak Ejan	Pemandu Kenderaan H11	PTK Mukah

Sekalung tahniah diucapkan kepada penerima APC tahun 2021. Semoga penghargaan itu dapat menyuntik semangat warga kerja jabatan untuk terus memberikan mutu kerja yang terbaik serta berkualiti untuk meningkatkan lagi taraf perkhidmatan demi mencapai matlamat organisasi.



## OPERASI PEMERIKSAAN MALAM

Satu operasi khas waktu malam telah diadakan pada 17 Ogos 2022 melibatkan pemeriksaan di tempat pekerjaan yang menjalankan perusahaan penginapan dan perkhidmatan makanan yang beroperasi pada waktu malam. Operasi yang diketuai oleh Tuan Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sarawak ini melibatkan 32 orang pegawai daripada Ibu Pejabat dan Pejabat Tenaga Kerja (PTK) Kuching.



Antara perkara yang ditekankan serta menjadi fokus dalam operasi ini adalah termasuk pembayaran gaji minimum, pematuhan waktu kerja serta sekatan waktu kerja wanita, kanak-kanak dan orang muda dan pematuhan ke atas syarat-syarat permit perburuhan yang telah dikeluarkan. Selain itu, operasi malam ini juga adalah untuk memastikan pematuhan terhadap peruntukan lain dalam Ordinan Buruh Sarawak, Akta Umur Persaraan Minimum serta undang-undang lain yang sedang dikuatkuasakan. Penekanan ke atas elemen buruh paksa dan buruh kanak-kanak di tempat pekerjaan juga diberi perhatian.



## OPERASI PEMERIKSAAN MALAM

Tuan Pengarah turut serta dalam pemeriksaan ke atas majikan semasa Operasi Malam siri 1/2022



Ketua Bahagian Standard Perburuhan dan Ketua Pejabat PTK Kuching sedang memantau pemeriksaan pegawai ke atas majikan yang diperiksa



Pegawai sedang menjalankan pemeriksaan dengan meneliti dokumen yang diserahkan oleh majikan

## OPERASI PEMERIKSAAN KHAS SEKITAR BANDAR KUCHING

Pada 8 September 2022 satu Operasi Pemeriksaan Khas yang diketuai oleh Pengarah Tenaga Kerja Sarawak bersama pegawai-pegawai daripada Ibu Pejabat dan Pejabat Tenaga Kerja Kuching telah dilaksanakan. Fokus utama pemeriksaan khas tersebut adalah ke atas sektor pembinaan di sekitar bandaraya Kuching.



Tuan Pengarah juga turut meninjau dan menemuduga beberapa orang pekerja di kawasan perumahan tempat tinggal pekerja di sekitar Bandar Kuching



## PENGENDALIAN KES PENDAKWAAN

## 1. KES PENDAKWAAN PEJABAT TENAGA KERJA SRI AMAN

Pada 13.07.2022 sebuah syarikat pengumpulan buah kelapa sawit telah didakwa di Mahkamah Majistret Sri Aman atas dua (2) pertuduhan di bawah Seksyen 43 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 kerana melanggar Perintah Gaji Minimum 2020.

Pihak syarikat mengaku bersalah dan Majistret Tuan Romario Jonoi telah menjatuhkan hukuman denda RM5000.00 atau 6 bulan penjara bagi setiap pertuduhan. Syarikat telah membayar sepenuhnya denda yang diperintahkan pada hari yang sama.

Pendakwaan dijalankan oleh Cik Tan Hui Mien dan dibantu oleh Encik Phang Pin dari Bahagian Penguatkuaan, Ibu Pejabat. Turut hadir semasa sebutan kes ialah Pegawai Penyiasat Cik Aida Fadzilla Binti Yusuf dari Pejabat Tenaga Kerja Sri Aman.



## 2. KES PENDAKWAAN PEJABAT TENAGA KERJA BINTULU

Sebuah syarikat mengusahakan perkhidmatan penginapan di Bintulu telah didenda RM1,500.00 di atas pengakuan bersalah untuk satu kesalahan di bawah Seksyen 43 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 kerana melanggar Perintah Gaji Minimum 2020.

Kes disebut pada 8.8.2022 di hadapan Majistret Puan Zuraini Binti Ali Musa di Mahkamah Majistret Bintulu. Pihak pendakwaan diwakili Pegawai Pendakwa Puan Nur Kerry Anthony Binti Marup dan Encik Adzrin Bin Omar. Pegawai Penyiasat kes Puan Jevline Lireh Semut juga turut hadir.



**PENGENDALIAN KES PENDAKWAAN****3. KES PENDAKWAAN PEJABAT TENAGA KERJA SARIKEI**

Di Mahkamah Majistret Sarikei, sebuah syarikat yang mengusahakan stesen minyak telah didenda RM2,500.00 di atas pengakuan bersalah untuk satu kesalahan di bawah Seksyen 43 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 kerana melanggar Perintah Gaji Minimum 2020 , iaitu gagal bayar gaji pokok pada kadar minimum RM1100.

Kes disebut pada 15.8.2022 di hadapan Majistret Puan Stella Augustine Druce.Pihak pendakwaan diwakili Pegawai Pendakwa Encik Jason Wong Yew Tiing dan Encik Edward Jekim Anak Diot. Pegawai Penyiasat kes Encik Augustin Anak Jetie juga turut hadir.

**4. KES PENDAKWAAN PEJABAT TENAGA KERJA KAPIT**

Pada 25.8.2022 sebuah syarikat pembinaan telah didenda RM1,500.00 di atas pengakuan bersalah untuk satu kesalahan di bawah Seksyen 43 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 kerana melanggar Perintah Gaji Minimum 2020 , iaitu gagal bayar gaji pokok pada kadar minimum RM1100.

Kes disebut dihadapan Majistret Tuan Flavian Edward Henry di Mahkamah Majistret Kapit.Pihak pendakwaan diwakili Pegawai Pendakwa Encik Lio Siang Yun dan Encik MacGyver Anak Majang. Pegawai Penyiasat kes Encik Rudy Kennedy Anak William Selan juga turut hadir.

**5. KES PENDAKWAAN PEJABAT TENAGA KERJA SIBU**

Di Mahkamah Majistret Sibu, sebuah syarikat kawalan keselamatan telah didenda RM1,500.00 di atas pengakuan bersalah untuk satu pertuduhan di bawah seksyen 130K (3) Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76) kerana melanggar peruntukan seksyen 104 Ordinan yang sama, gagal bayar gaji kerja pada cuti umum.

Kes disebut pada 6.9.2022 di hadapan Majistret Puan Punitha A/P Sivaraji.Pihak pendakwaan diwakili Pegawai Pendakwa Puan Sapinah bt

**PENGENDALIAN KES PENDAKWAAN**

Mohamad Ibrahim dan Encik Gibson Collins Anak Bidi .Pegawai Penyiasat kes Encik Kennedy Anak Lawrence juga turut hadir

**6. KES PENDAKWAAN PEJABAT TENAGA KERJA MARUDI**

Sebuah syarikat kawalan keselamatan di Miri telah didenda RM4,000.00 di atas pengakuan bersalah untuk lima (5) pertuduhan dan jika gagal penjara enam (6) bulan untuk kesalahan di bawah Seksyen 43 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 kerana melanggar Perintah Gaji Minimum 2020.

Kes disebut pada 7.9.2022 di Mahkamah Majistret Marudi. Pihak pendakwaan diwakili Pegawai Pendakwa Encik Danny Wee Kon Hou dan Puan Doris Anak Rakey. Pegawai Penyiasat kes Puan Aini Binti Mustapha juga turut hadir.

**7. KES PENDAKWAAN PEJABAT TENAGA KERJA KUCHING**

Pada 6.10.2022, mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda ke atas sebuah syarikat yang mengusahakan rumah penjagaan orang tua di atas kesalahan ingkar perintah Pengarah Tenaga Kerja Sarawak. Majistret Puan Zaiton Binti Anuar telah menjatuhkan hukuman denda RM1000.00 di atas pengakuan bersalah Orang Kena Saman (OKS) tersebut.

Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Puan Siti Amirra Binti Mohamad dan Puan Asmarina Binti Othman. Pegawai Penyiasat kes Encik Matthew Kana Anak Jame juga turut hadir bersama semasa prosiding tersebut.



**PENGENDALIAN KES PENDAKWAAN****8. KES PENDAKWAAN PEJABAT TENAGA KERJA KOTA SAMARAHAN**

Sebuah perkongsian perniagaan yang menjual perkakasan dan peralatan di Kota Samarahan telah mengaku bersalah dan didenda RM8,000.00 untuk empat (4) kesalahan di bawah Seksyen 43 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 kerana melanggar Perintah Gaji Minimum 2020.

Kes disebut pada 25.10.2022 di Mahkamah Majistret Kota Samarahan, di hadapan Majistret Puan Iris Anak Awen Jon. Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Puan Norhafizah binti Ismail dan Puan Asmah Binti Bujang. Pegawai Penyiasat kes Puan Rozina binti Rajak juga turut hadir.

**9. KES PENDAKWAAN PEJABAT TENAGA KERJA KUCHING**

Pada 3.11.2022, sebuah syarikat pembinaan telah mengaku bersalah di atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 43 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 kerana melanggar Perintah Gaji Minimum 2020.

Kes disebut di hadapan Majistret Puan Zaiton Binti Anuar di Mahkamah Majistret Kuching. Pihak pendakwaan diwakili Pegawai Pendakwa Puan Diana Supit dan Puan Asmah Binti Bujang. Pegawai Penyiasat kes Puan Florence Yong Hui Ling juga turut hadir.

**KUNJUNGAN MTUC KE JTK SARAWAK (15 NOVEMBER 2022)****KUNJUNGAN PETRONAS KE JTK SARAWAK (15 NOVEMBER 2022)**

## BENGKEL SARAWAK FOREIGN WORKERS MANAGEMENT SYSTEM, PULLMAN KUCHING PADA 20-21HB DISEMBER 2022

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTKSWK) melalui Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin telah menerima jemputan bagi menghadiri Bengkel Pengenalan kepada Foreign Worker Transformation Approach (FWTA) yang dianjurkan oleh pihak Syarikat Socoe Sdn. Bhd. bertempat di Hotel Pullman Kuching pada 20 Disember (Selasa) dan 21 Disember 2022 (Rabu).

JTKSWK diwakili oleh Puan Sharifah Meriana binti Wan Mohammed, Encik Abg. Mohamad Khaider bin Abang Suhaili dan Encik Irwin Francis daripada Bahagian Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin manakala Puan Kavitha Rajandran mewakili Bahagian Penyelidikan dan Maklumat.

Disamping itu juga, pihak Syarikat Socoe Sdn. Bhd turut menjemput wakil agensi daripada Unit Pengurusan Imigresen Dan Buruh Pejabat Premier Sarawak, Jabatan Imigresen Malaysia Sarawak, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak, Unit Transformasi dan Inovasi Sarawak, Pejabat Premier Sarawak, Sarawak Multimedia Authority dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Sarawak. Tujuan bengkel ini dianjurkan adalah untuk:

- Membentangkan pengumpulan maklumat dan proses kerja sedia ada bagi setiap agensi terlibat;
- Membentangkan cadangan / demo modul – modul yang akan dibangunkan
- Membentangkan cadangan ‘Proof of Concept’ kepada Foreign Worker Transformation Approach (FWTA)



Wakil daripada semua agensi



Wakil daripada JTKSWK dan PERKESO



Wakil daripada semua agensi bersama pihak Syarikat Socoe Sdn. Bhd.

## Program Pendidikan Perburuhan dan Sesi Dialog Bersama Industri Stadium Tertutup Kompleks Sukan Sri Aman (22 November 2022)

Pejabat Tenaga Kerja Sri Aman dengan kerjasama ibu pejabat JTK Sarawak telah berjaya menganjurkan Program Pendidikan Perburuhan dan Sesi Dialog Bersama Industri Tahun 2022 pada 22 November 2022 bertempat di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Sri Aman. Objektif penganjuran program adalah untuk memberi pendedahan secara konklusif kepada kumpulan sasaran berkenaan fungsi dan perkhidmatan jabatan, menyampaikan pendidikan perburuhan secara intensif selain menjadi medium untuk mengenal pasti kekangan mahupun cabaran majikan dalam mematuhi peruntukan undang-undang perburuhan yang dikuatkuasakan. Program tersebut telah disertai oleh 97 buah majikan dari Bahagian Sri Aman, Betong dan Sarawak yang telah menghantar wakil bagi majikan dan juga pekerja. Ceramah perburuhan yang dijalankan telah memberikan impak positif kepada kumpulan majikan dan pekerja yang mana kumpulan sasaran dapat berinteraksi secara langsung kepada para penceramah berkenaan isu yang dihadapi di tempat pekerjaan. Sesi dialog juga telah membuka ruang kepada kumpulan sasaran untuk memberikan input positif kepada jabatan bagi memastikan perkhidmatan jabatan dapat terus disampaikan secara




**Program Pendidikan Perburuhan dan Sesi Dialog Bersama Industri  
Stadium Tertutup Kompleks Sukan Sri Aman (22 November 2022)**



menyeluruh dan proaktif. Program pendidikan perburuhan dan sesi dialog tersebut turut disertai oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Cawangan Sri Aman. Jabatan akan terus komited untuk menganjurkan program pendidikan perburuhan sebegini yang pastinya dapat memberikan impak positif kepada kumpulan sasaran.



**PROGRAM KESEDARAN HAK PEKERJA & ISU BURUH PAKSA  
(KPG. BELIMBING PADAWAN 23 OKTOBER 2022)**



## **PROGRAM KESEDARAN HAK PEKERJA DAN ISU BURUH PAKSA (KAMPUNG BELIMBING PADAWAN 23 OKTOBER 2022)**

PROGRAM KESEDARAN HAK PEKERJA & ISU BURUH PAKSA JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK DI KAMPUNG DARUL BELIMBING PADA 23 OKTOBER 2022



PROGRAM KESEDARAN HAK PEKERJA & ISU BURUH PAKSA JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK DI KAMPUNG PUEH PADA 29 OKTOBER 2022



PROGRAM KESEDARAN HAK PEKERJA & ISU BURUH PAKSA JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK DI KOMPLEKS SUKAN ASAJAYA PADA 05 NOVEMBER 2022



## **PROGRAM KESEDARAN HAK PEKERJA DAN ISU BURUH PAKSA (KAMPUNG PUEH, LUNDU 29 OKTOBER 2022)**



## PROGRAM KESEDARAN HAK PEKERJA DAN ISU BURUH PAKSA (DEWAN ASAJAYA 5 NOVEMBER 2022)



**PROGRAM KESEDARAN HAK PEKERJA DAN ISU BURUH PAKSA JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK**

**DEWAN KOMPLEKS SUKAN ASAJAYA,  
KOTA SAMARAHAN**  
**05 NOVEMBER 2022 (SABTU)**

**AKTIVITI**  
**CERAMAH PERBURUHAN**  
**KAUNTER KHIDMAT NASIHAT PERBURUHAN**  
**PENERANGAN RANG-UNDANG PERBURUHAN**

## DIPLOMATIC RECEPTION

A DIPLOMATIC RECEPTION ON THE OCCASION OF THE 77TH ANNIVERSARY OF THE INDEPENDENCE DAY OF THE REPUBLIC OF INDONESIA AND THE COMMEMORATION ANNIVERSARY OF THE INDONESIAN ARMED FORCES (TNI) DAY 17HB OCTOBER 2022, AT WATERFRONT HOTEL, KUCHING.

Jemputan dari Konsulat Indonesia Kuching untuk menghadiri Majlis Makan Malam sempena Hari Kemerdekaan Yang Ke 77, Republik Indonesia. Majlis ini telah diadakan pada 17hb Oktober 2022 di Waterfront Hotel, Kuching. Pengarah Tenaga Kerja Sarawak, Tn Awang Raduan bersama Puan Florence Yong Hui Ling dan Puan Asmarina Binti Othman dari Pejabat Tenaga Kerja Kuching telah dijemput untuk menghadiri majlis ini.



## SESI LIBAT URUS MENGENAI PROSES KERJA EKSPATRIAT

SESI LIBAT URUS MENGENAI PROSES KERJA PERMOHONAN EKSPATRIAT DAN PEKERJA ASING BERSAMA JABATAN KETUA MENTERI SABAH DAN JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA SABAH

Program ini telah diadakan pada 22 Ogos 2022, bertempat di Menara Kinabalu, Kota Kinabalu, Sabah. Pengarah Tenaga Kerja Sarawak, Tn Awang Raduan bersama Tn Haji Rahman Masa'at turut hadir bersama rombongan daripada Kerajaan Sarawak yang dikenalpasti oleh YBhg. Datu Ik Pahon (Timbalan Setiausaha Kerajaan Sarawak).



## MESYUARAT MBJ JTK SARAWAK BIL. 2-2022



## TAKLIMAT PENGGUNAAN SISTEM EZLABOURCASE

Satu taklimat telah diadakan pada 22 November 2022 di Bilik Mesyuarat Ibu Pejabat oleh Encik Chang Nyuk Kui, Pegawai Teknologi Maklumat mengenai penggunaan sistem ezLABOURCASE. Taklimat tersebut diadakan untuk memberi penerangan tentang ciri-ciri baharu dalam sistem ezLABOURCASE yang merangkumi pendaftaran kes, pendaftaran maklumat pengadu dan defandan, penetapan tarikh sebutan dan perbicaraan, pengeluaran saman dan perintah, pelaporan dan sebagainya. Seramai 33 orang peserta telah menghadiri taklimat ini secara maya.



**SESI PERKONGSIAN PTK LAWAS DAN HUMAN RESOURCE CORPORATION  
(SERI MALAYSIA 7 JULY 2022)**



**HRD CORPORATION NATIONAL FORUM  
(IMPERIAL HOTEL KUCHING 5 JULY 2022)**



## TALENT DEVELOPMENT WORKSHOP (BCCK 13 JULY 2022)



## KUNJUNGAN HORMAT KONSULAT JENDERAL REPUBLIK INDONESIA KE JTK SARAWAK (15 SEPTEMBER 2022)



## KEJOHANAN SUKAN SKIM S KE-10 (1-3 JULAI 2022)



## KEJOHANAN SUKAN SKIM S KE-10 (1-3 JULAI 2022)




Kejohanan Sukan Tahunan Skim S (KESTASIS) Kali Ke-10 telah berlangsung pada 01 hingga 03 Julai 2022 bertempat di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Taiping, Perak. Jabatan telah menghantar seramai 48 orang peserta ke kejohanan sukan tersebut yang telah menyertai pelbagai sukan yang dipertandingkan termasuk sukan badminton, bola jaring, bola sepak, bola tampar, futsal, catur dan dart. Jabatan merupakan salah satu ahli bagi kontinjen Zon Selatan yang turut disertai oleh pasukan dari Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Johor, JTK Melaka dan JTK Negeri Sembilan. Kejohanan sukan kali ke-10 tersebut telah diungguli oleh Zon Tengah yang telah menjadi juara keseluruhan. Pasukan Zon Selatan telah berjaya memenangi beberapa acara sukan yang dipertandingkan seperti pingat emas bagi Futsal Kategori Lelaki, pingat perak bagi Badminton Lelaki, pingat perak bagi Badminton Wanita, pingat gangsa bagi Futsal Kategori Veteran, pingat gangsa bagi Bola Tampar Wanita dan pingat gangsa bagi perlawanan catur campuran.



**FAMILY DAY PTK KUCHING (16 SEPTEMBER 2022)****FAMILY DAY PTK KUCHING (16 SEPTEMBER 2022)**

Kelab Kecil Kebajikan dan Sosial cawangan PTK Kuching telah mengadakan Hari Keluarga melibatkan 8 keluarga ahli kelab dan 25 orang ahli keluarga. Program ini telah diadakan di Damai Beach Resort, Santubong Kuching dengan percutian 2 hari dan 1 malam. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah sukaneka melibatkan penyertaan ahli kelab serta semua ahli keluarga yang terlibat. Majlis Makan Malam serta penyampaian hadiah kepada para pemenang juga diadakan di restoran makanan laut di Santubong. Ketika program, ahli kelab juga memakai baju t-shirt sumbangan kelab kepada semua ahli kelab PTK Kuching. Kali terakhir program Hari Keluarga PTK Kuching anjuran Kelab Kecil Kebajikan dan Sosial adalah pada 16 September 2019.



**FUN RUN KELAB PTK BAKUN PADA 10 SEPTEMBER 2022**

Pada 10 September 2022, Kelab Sosial & Kebajikan Pejabat Tenaga Kerja Bakun telah berjaya menganjurkan aktiviti Fun Run dengan temanya Unity Run sempena sambutan bulan Kebangsaan & Hari Malaysia 2022. Larian yang mengambil tempat di SK. Long Gang, Sg. Koyan pada pukul 7.00 pagi & berakhir di Uma Ukit melibatkan 50 orang peserta.

Pelepasan telah dibuat oleh Puan Bidah Lujah, Pemangku Pegawai Daerah Bahagian Belaga dan disaksikan oleh Pemancha Tony Kulleh. Menurut Encik Edwin Eddy, Pengurus Kelab Aktiviti seumpama ini merupakan aktiviti yang julung-julung kali diadakan untuk menyemarakkan semangat cintakan tanah air dan memupuk perpaduan di kalangan masyarakat yang berbilang kaum.

**SAMBUTAN PRA-KRISMAS DAN TAHUN BAHRU 2023 DI PTK KUCHING**

Bersempena sambutan Hari Krismas dan Tahun Baru 2023, Kelab Kecil Kebajikan dan Sosial cawangan PTK Kuching telah mengadakan program bertukar-tukar hadiah dan jamuan makan kepada semua ahli kelab di PTK Kuching pada 7 Disember 2022 (Jumaat). Acara ini adalah terbuka kepada sesiapa ahli yang ingin menyertai dengan membeli hadiah masing-masing dan kemudiannya dengan cabutan nombor, hadiah akan bertukar dengan ahli kelab yang lain. Program sebegini dapat memupuk rasa kemesraan dan kasih-sayang di kalangan ahli kelab sekaligus memberikan rasa keseronokan untuk bekerja kepada semua yang terlibat.





## MENGOPTIMUMKAN PENGGUNAAN PERISIAN DI DALAM CLOUD BASED MYGOVUC.

Jika anda masih ingat, zaman sebelum bermulanya penggunaan e-mel rasmi berdasarkan Google, anda menggunakan pelbagai perkhidmatan e-mel di bawah projek kerajaan yang dikendalikan oleh pelbagai pembekal perkhidmatan e-mel. Ketika itu, kementerian berbeza menggunakan pelbagai perkhidmatan emel yang berbeza dan pembekal perkhidmatan berlainan. Contoh perkhidmatan e-mel yang mungkin pernah kita gunakan adalah seperti Eudora, Lotus Notes, Netscape Client Mail dan Microsoft Outlook 2007. Untuk menggunakan perkhidmatan ini, juruteknik perlu memasang perisian yang berat ke dalam komputer anda. Sekiranya anda bertukar komputer, pemasangan perlu dibuat semula. Ini menyukarkan proses kerana banyak masa telah dihabiskan untuk proses penyelenggaraan.

Kini, kita sudah menggunakan perkhidmatan *cloud based* iaitu Google Workspace yang dilanggan dibawah projek MyGovUC. Perkhidmatan ini boleh dipercayai kerana produk Google adalah produk daripada syarikat gergasi yang sekian lama bertapak di dunia ini. Perkhidmatan berdasarkan Google ini bukan sahaja menawarkan perkhidmatan e-mel, tetapi juga perisian-perisian yang boleh meningkatkan keselesaan dan prestasi pengguna sekiranya perisian benar-benar dimanfaatkan. Antara perisian yang dimaksudkan adalah Gmail, Google Drive, Google Calendar, Google Slide, Google Meet, Google Forms dan banyak lagi.

### KEBAIKAN GOOGLE DRIVE


Google Drive menyediakan cara yang mudah untuk menyimpan dan back-up fail. Setelah fail dimuat naik ke cloud server, ia boleh diakses dari mana-mana sahaja asalkan ada sambungan internet. Google Drive turut membolehkan anda berkongsi fail dan folder dengan orang lain, memudahkan bekerjasama dalam masa nyata. Anda juga boleh mengawal siapa yang mempunyai akses kepada fail dan menetapkan kebenaran untuk melihat dan mengubah kandungan fail.



## MENGOPTIMUMKAN PENGGUNAAN PERISIAN DI DALAM CLOUD BASED MYGOVUC.

### KEBAIKAN GOOGLE SLAID

Google slide adalah perisian pembentangan berdasarkan web. Ia membolehkan anda membina, mengedit dan berkongsi pembentangan. Google slide memudahkan kerjasama secara masa nyata. Sekiranya anda adalah pemilik dokumen, anda boleh memberikan akses kepada rakan-rakan dalam pasukan anda untuk mengubah pembentangan secara serentak.



### KEBAIKAN GOOGLE SHEETS.

Google Sheets membenarkan pengguna-pengguna untuk bekerja pada hamparan yang sama secara serentak. Ini memudahkan anda untuk bekerjasama dengan ahli pasukan, berkongsi data dan membuat perubahan masa nyata pada dokumen yang sama.

Tahap akses dan kebenaran boleh ditetapkan kepada pengguna yang berbeza. Ini membolehkan anda mengawal siapa yang boleh melihat, mengedit atau mengulas pada data anda. Google Sheets juga mempunyai pelbagai add ons untuk membuat carta, graf dan visualisasi statistik.



Contoh-contoh perisian yang disebutkan di atas adalah sebahagian daripada pelbagai perisian yang terkandung dalam projek kerajaan MyGovUC. Diharapkan perisian-perisian ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk meningkatkan keselamatan penyimpanan dokumen dan meningkatkan kolaborasi di antara pengguna-pengguna di dalam projek MyGovUC seterusnya meningkatkan mutu tugas-harian di pejabat. Sekiranya terdapat kesukaran menggunakan perisian yang dinyatakan di atas, sila hubungi pegawai ICT dari Unit ICT, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak.

## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2021



Nama Pegawai : Dedua Anak Taim @ Tiam  
Jawatan : Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S48  
Pejabat : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak



Nama Pegawai : Wan Ainan Zuhaida Binti Wan Abdul Khalid  
Jawatan : Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S48  
Pejabat : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak



Nama Pegawai : Mohamad Shahruddin Bin Zaidil  
Jawatan : Pegawai Tadbir Dan Diplomatik Gred M44  
Pejabat : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak



Nama Pegawai : Frederick Sait Anak Numpang  
Jawatan : Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41  
Pejabat : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak



Nama Pegawai : Lolita Anak Codala  
Jawatan : Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41  
Pejabat : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak



Nama Pegawai : Terry Anak Ranggie  
Jawatan : Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41  
Pejabat : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak



Nama Pegawai : Julinah Binti Jamalaldin  
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S  
Pejabat : PTK Kuching



Nama Pegawai : Augustin Anak Jetie  
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S32  
Pejabat : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak



Nama Pegawai : Danny Wee Kon Hau  
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S29  
Pejabat : PTK Miri



Nama Pegawai : Samson Tio  
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S29  
Pejabat : PTK Marudi



Nama Pegawai : Steve Anak Alexander Pateh  
Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S29  
Pejabat : PTK Bakun



Nama Pegawai : Siti Nasithasa Hasshikin Bt. Haron  
Jawatan : Penolong Akauntan Gred W29 (KUP)  
Pejabat : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2021



Nama Pegawai : Margaret Laie Anak Jingan  
Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19  
Pejabat : PTK Sri Aman



Nama Pegawai : Liew Siaw Sze  
Jawatan : Jurubahasa Gred LA19  
Pejabat : PTK Serian



Nama Pegawai : Abdul Hadi Bin Abu Samah  
Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19  
Pejabat : PTK Sibu



Nama Pegawai : Siti Mordiah Binti Abu Kasim  
Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19  
Pejabat : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak



Nama Pegawai : Tina Anak Tinin  
Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19  
Pejabat : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak



Nama Pegawai : Ahmad Syauki Bin Ali  
Jawatan : Pembantu Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S22  
Pejabat : PTK Kapit



Nama Pegawai : Roslind Dayang Anak Bulin  
Jawatan : Pembantu Operasi Gred N11  
Pejabat : PTK Kapit



Nama Pegawai : Jeluing Anak Kedayan  
Jawatan : Pemandu Kenderaan Gred H11  
Pejabat : PTK Betong



Nama Pegawai : Zulkifli Anak Ejan  
Jawatan : Pemandu Kenderaan Gred H11  
Pejabat : PTK Mukah

## KELAHIRAN CAHAYA MATA



Nama Pegawai : Tiong Siew Moi  
Jawatan : Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19  
Pejabat : PTK Sibu  
Nama Anak : Elisa Tan Jun Yu  
Tarikh Lahir : 24.10.2022  
Jantina : Perempuan



Nama Pegawai : Connie Anak Uggong  
Jawatan : Pembantu Perhubungan Perusahaan S19  
Pejabat : PTK Sibu  
Nama Anak : Clement Pau Kek Yu  
Tarikh Lahir : 09.12.2022  
Jantina : Lelaki

## SALAM PERKENALAN



Nama Pegawai : Phang Sie Nan  
 Jawatan : Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred S26  
 Dari : Bahagian Pencen, JPA  
 Penempatan : Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak  
 Tarikh Kuat Kuasa : 01.07.2022



Nama Pegawai : Christyla Dibahska Anak Dennis  
 Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19  
 Dari : Jabatan Pengangkutan Jalan Bintulu  
 Penempatan : PTK Bintulu  
 Tarikh Kuat Kuasa : 01.07.2022



Nama Pegawai : Brownie Anak Ujai  
 Jawatan : Pembantu Tadbir  
 Dari : Jabatan Pengangkutan Jalan Betong  
 Penempatan : PTK Saratok  
 Tarikh Kuat Kuasa : 01.09.2022



Nama Pegawai : Siti Khadijah Binti Minggu  
 Jawatan : Setiausaha Pejabat Gred N29  
 Dari : Kementerian Dalam Negeri  
 Penempatan : Ibu Pejabat, JTK Sarawak  
 Tarikh Kuat Kuasa : 26.09.2022



Nama Pegawai : Jesca Eva Anak Jeorgie  
 Jawatan : Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S41  
 Penempatan : PTK Sibu  
 Tarikh Kuat Kuasa : 01.09.2022



Nama Pegawai : Mohd Al Hatta Bin Hedin  
 Jawatan : Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan Gred S19  
 Penempatan : PTK Bintulu  
 Tarikh Kuat Kuasa : 01.09.2022



Nama Pegawai : Nur Hamima Tul Ashikin Binti Zakaria  
 Jawatan : Pembantu Perhubungan Perusahaan Gred S19  
 Penempatan : PTK Marudi  
 Tarikh Kuat Kuasa : 01.09.2022

## SEKALUNG TAKZIAH

Encik Jeffry Douglas Anak William Nagun yang bertugas di Bahagian Penyelidikan Dan Maklumat, Ibu Pejabat telah kehilangan ibu kandung pada 01 Julai 2022. Warga JTK Sarawak mengucapkan salam takziah kepada beliau dan keluarga atas kehilangan ibu kandung dan semoga dipermudahkan segala urusan.

Puan Nancy Yeo yang bertugas di Pejabat Tenaga Kerja Bintulu telah kehilangan adik pada 04 Julai 2022. Warga JTK Sarawak mengucapkan salam takziah kepada beliau dan keluarga atas kehilangan adik dan semoga dipermudahkan segala urusan.

Puan Maslina Binti Yahya yang bertugas di Pejabat Tenaga Kerja Mukah telah kehilangan ibu kandung pada 13 Julai 2022. Warga JTK Sarawak mengucapkan salam takziah kepada beliau dan keluarga atas kehilangan ibu kandung dan semoga dipermudahkan segala urusan.

Encik Frederick Sait Anak Numpang yang bertugas di Pejabat Tenaga Kerja Serian telah kehilangan bapa kandung pada 03 September 2022. Warga JTK Sarawak mengucapkan salam takziah kepada beliau dan keluarga atas kehilangan bapa kandung dan semoga dipermudahkan segala urusan.

Encik Nordin Bin Mohamad Salleh yang bertugas di Pejabat Tenaga Kerja Lawas telah kehilangan ibu kandung pada 16 Oktober 2022. Warga JTK Sarawak mengucapkan salam takziah kepada beliau dan keluarga atas kehilangan ibu kandung dan semoga dipermudahkan segala urusan.

Puan Siti Noorleena Ramimi Binti Ramli yang bertugas di Pejabat Tenaga Kerja Miri telah kehilangan ibu kandung pada 20 Oktober 2022. Warga JTK Sarawak mengucapkan salam takziah kepada beliau dan keluarga atas kehilangan ibu kandung dan semoga dipermudahkan segala urusan.

Encik Mac Gyver Anak Majang yang bertugas di Pejabat Tenaga Kerja Kapit telah kehilangan ibu kandung pada 09 November 2022. Warga JTK Sarawak mengucapkan salam takziah kepada beliau dan keluarga atas kehilangan ibu kandung dan semoga dipermudahkan segala urusan.

## PERINTAH GAJI MINIMUM 2022

**BERKUATKUASA**  
**Mulai 1 Julai 2023**

**GAJI POKOK (BULANAN)**  
**RM 1,500**

**Kadar Gaji Mengikut Kontrak Penggajian**

<b>RM 57.69</b> <b>Sehari</b> <b>(6 hari bekerja)</b>	<b>RM 1,500</b> <b>sebulan</b>	<b>RM 7.21</b> <b>sejam</b>	<b>RM 69.23</b> <b>Sehari</b> <b>(5 hari bekerja)</b>
---	-----------------------------------	--------------------------------	---

**RUJUKAN :**  
Perintah Gaji Minimum 2022; P.U. (A) 140 pada 27 April 2022

## PERINTAH GAJI MINIMUM 2022

**TEMPOH BERKUATKUASA:**  
**Sehingga 30 Jun 2023**

Bagi majikan yang mengajikan:  
**kurang 5 orang pekerja**

**Kadar Gaji Mengikut Kawasan (Sarawak)**

Kawasan di  
bawah Majlis  
Perbandaran/  
Bandaraya

**RM 1,200**  
sebulan

**RM 5.77**  
sejam

**RM 46.15**  
sehari  
(6 hari bekerja)

**RM 55.38**  
sehari  
(5 hari bekerja)

Kawasan di  
bawah Majlis/  
Pejabat  
Daerah

**RM 1,100**  
sebulan

**RM 5.29**  
sejam

**RM 42.31**  
sehari  
(6 hari bekerja)

**RM 50.77**  
sehari  
(5 hari bekerja)

A leader is one who  
knows the way, goes  
the way, and shows  
the way.

- John C. Maxwell



"When **pain**, **misery**, or  
**anger** happens, it is time  
to look **within you**,  
**not around you**."

**Sadhguru**

## **IBU PEJABAT JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK**

Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar, Jalan Simpang Tiga, 93532 Kuching, Sarawak.  
Tel : 082-242261 Fax : 082-244909  
E-mel : jtknsarawak@mohr.gov.my  
Laman Web : <https://www.jtkswk.gov.my>

### **PEJABAT TENAGA KERJA KUCHING**

Tkt.7 & 8, Bangunan KWSP, Jalan Upland,  
Peti Surat 375, 93300 Kuching, Sarawak  
Tel : 082-247349 Faks : 082-247305  
E-mel : jtkbkuching@mohr.gov.my

### **PEJABAT TENAGA KERJA SIBU**

Tkt.3, Wisma Persekutuan Blok 3, Lot 462, Persiaran  
Brooke, Peti Surat 431, 96007 Sibu, Sarawak.  
Tel : 084-330700 Faks : 084-317284  
E-mel : jtkbsibu@mohr.gov.my

### **PEJABAT TENAGA KERJA MIRI**

Tkt.3, Bgn. Persekutuan, Jln Gartak,  
Peti Surat 541, 98007 Miri, Sarawak.  
Tel : 085-419949 Faks : 085-417181  
E-mel : jtkbmiri@mohr.gov.my

### **PEJABAT TENAGA KERJA LIMBANG**

Tkt.2, Bgn Persekutuan  
Jalan Fisher, Peti Surat 128,  
98707 Limbang, Sarawak.  
Tel : 085-211228 Faks : 085-212461  
E-mel : jtkblimbang@mohr.gov.my

### **PEJABAT TENAGA KERJA SRI AMAN**

Tkt. Bawah, Bgn. Persekutuan Fasa II, Jalan Kejatau,  
Peti Surat 83, 95007 Sri Aman, Sarawak.  
Tel : 083-322527 Faks : 083-323194  
E-mel : jtkbsriaman@mohr.gov.my

### **PEJABAT TENAGA KERJA KAPIT**

Tkt.2, Wisma Persekutuan,  
Jln. Kapit By-Pass, Peti Surat 75,  
96807 Kapit, Sarawak.  
Tel : 084-796430 Faks : 084-797637  
E-mel : jtkbkapit@mohr.gov.my

### **PEJABAT TENAGA KERJA SARIKEI**

Tkt.2, Wisma Persekutuan, Jln. Bgn. Kerajaan,  
96100 Sarikei, Sarawak.  
Tel : 084-651242 Fax : 084-654011  
E-mel : jtkbsarieki@mohr.gov.my

### **PEJABAT TENAGA KERJA BINTULU**

Tkt.2, Bgn. Persekutuan, Batu 2, Jln Bintulu/Miri,  
Peti Surat 418, 97008 Bintulu, Sarawak.  
Tel : 086-337625 Faks : 086-339457  
E-mel : jtkbbintulu@mohr.gov.my

### **PEJABAT TENAGA KERJA MARUDI**

Tkt.2, Wisma Persekutuan, Jln Kampung Cina,  
Peti Surat 224, 98508 Marudi, Sarawak.  
Tel : 085-755963 Faks : 085-756559  
E-mel : jtkbmarudi@mohr.gov.my

### **PEJABAT TENAGA KERJA SERIAN**

Tkt. Bawah, Lot 1061-1062, Jln Alamanda,  
Serian Town District, 94700 Serian, Sarawak.  
Tel : 082-874840 Faks : 082-875299  
E-mel : jtkbserian@mohr.gov.my

### **PEJABAT TENAGA KERJA BAKUN**

No.4, Sungai Asap Commercial Centre,  
Belaga Peti Surat 418, 97008 Bintulu, Sarawak.  
Tel : 019-8595286 Faks : 086-339457  
E-mel : jtkbbakun@mohr.gov.my

### **PEJABAT TENAGA KERJA KOTA SAMARAHAN**

SubLot No.33, Lot 4681, Tkt.Bawah 1 & 2, Fasa 17,  
Blok 1, Desa Ilmu, Sarawak Land District, Jln Dato' Mohd  
Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak.  
Tel : 082-616073 Faks : 082-616054  
E-mel : jtkbsamarahan@mohr.gov.my

### **PEJABAT TENAGA KERJA SARATOK**

Ground Floor, 3 Storey Shophouse, Lot 719,  
Saratok Town District, 95400 Saratok, Sarawak.  
Tel : 083-438603 Faks : 083-438609  
E-mel : jtkbsaratok@mohr.gov.my

### **PEJABAT TENAGA KERJA LAWAS**

Tingkat Bawah 1 & 2, Bangunan Kedai 3 Tingkat,  
Lot 334, Jln Trusan, Lawas Town District,  
98850 Lawas, Sarawak.  
Tel : 085-285452 Faks : 085-285476  
E-mel : jtkblawas@mohr.gov.my

### **PEJABAT TENAGA KERJA BETONG**

Sublot 35 of Parent Lot 1992, Phase 3, Block 9,  
Batu Api Land District, Betong Newtownship, 95700  
Betong, Sarawak. Tel : 083-420233 Fax : 083-420244  
E-mel : jtkbbetong@mohr.gov.my

### **PEJABAT TENAGA KERJA MUKAH**

Sublot No.43, Lot 924 & 927, Block 68,  
Mukah Land District, Mukah Town Extension Phase II,  
96400 Mukah, Sarawak.  
Tel : 084-874179 Faks : 084-874182  
E-mel : jtkbmukah@mohr.gov.my

Diterbitkan oleh:

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak. Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Tenaga Kerja Sarawak. Artikel yang disiarkan dalam buletin ini tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar JTK Sarawak.

**DIREKTOR**